



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

# KENYATAAN MEDIA

## NEA 2024 IKTIRAF USAHA PERALIHAN TENAGA 38 ORGANISASI AWAM DAN SWASTA

**KUALA LUMPUR, 27 Februari 2025** – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) meraikan kejayaan 38 organisasi sektor awam dan swasta yang melaksanakan inisiatif peralihan tenaga negara dengan cemerlang pada Majlis Apresiasi Anugerah Tenaga Kebangsaan atau *National Energy Awards* (NEA) 2024, serta 13 organisasi yang mewakili Malaysia dan berjaya di dalam *ASEAN Energy Awards* (AEA) 2024.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri PETRA, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof. Penganjuran NEA bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan pencapaian organisasi sektor awam dan swasta di dalam menerajui pembangunan tenaga lestari khususnya penerapan amalan tenaga boleh baharu (TBB) dan kecekapan tenaga. NEA menyediakan 4 kategori anugerah iaitu Pengurusan Tenaga (*Energy Management*), Bangunan Cepak Tenaga (*Energy Efficient Building*), Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*) dan Anugerah Khas.

Satu kategori baharu turut diperkenalkan iaitu Anugerah Khas - *Green Stewardship Platinum* dan *Green Stewardship Gold* bagi mengiktiraf entiti yang menggunakan 100% atau mencapai penggunaan memberangsang bekalan elektrik hijau melalui langganan Program *Green Electricity Tariff* (GET).

Sebagai Kementerian peneraju pembekalan elektrik negara, PETRA bertekad untuk menggerakkan transformasi sistem bekalan elektrik negara supaya Malaysia kekal menarik dan berdaya saing sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi di rantau ASEAN.

Selaku pengerusi ASEAN pada tahun ini, PETRA menyeru supaya lebih banyak wakil negara akan berjaya meraih anugerah dalam *ASEAN Energy Awards 2025* yang akan diadakan di Kuala Lumpur. Oleh itu, entiti awam dan swasta yang mempunyai projek atau amalan terbaik adalah dipelawa menyertai NEA 2025 yang masih dibuka untuk penyertaan sehingga 3 Mac 2025.

PETRA yakin bahawa NEA akan menyediakan platform terbaik untuk perkongsian amalan dan pelaksanaan terbaik dalam bidang TBB dan kecekapan tenaga. Kejayaan wakil negara di peringkat ASEAN turut membuktikan keupayaan industri tempatan untuk menampilkan idea dan penyelesaian inovatif dalam menggalakkan penjana TBB serta mengoptimumkan penggunaan tenaga.

Maklumat lanjut mengenai NEA 2025 boleh dilayari di laman sesawang <https://www.nationalenergyawards.com.my>.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**27 FEBRUARI 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

